

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum Anda membeli Allianz Kasih4All. Sila pastikan Anda juga membaca terma dan syarat umum.)

Institusi Kewangan	: Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Kami")
Nama Produk	: Allianz Kasih4All

1. Produk ini berkenaan apa?

Ini adalah pelan insurans tanpa penyertaan yang boleh diperbaharui setiap tahun dan memberi perlindungan insurans terhadap kematian bukan akibat Kemalangan atau akibat Kemalangan sehingga Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh satu (71) hari jadi terdekat. Ia membayar jumlah manfaat dengan sekaligus sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia bukan akibat Kemalangan atau akibat Kemalangan semasa tempoh Polisi ini.

2. Apakah pelan/manfaat-manfaat yang diberikan?

(i) Terdapat 2 pelan, seperti berikut:

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
Kematian bukan akibat Kemalangan ¹	10,000	20,000
Kematian akibat Kemalangan	15,000	30,000

¹ Sekiranya kematian bukan akibat Kemalangan berlaku dalam tempoh enam (6) bulan pertama dari Tarikh Terbitan Polisi, manfaat yang akan dibayar adalah hanya terhad kepada Premium yang telah dibayar di bawah Polisi.

(ii) Tempoh perlindungan pelan ini adalah sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh satu (71) hari jadi terdekat atau sehingga penamatan, yang mana terdahulu.

3. Berapakah Premium yang perlu saya bayar?

(i) Premium tahunan yang Anda perlu bayar adalah bergantung kepada umur tercapai Orang yang Diinsuranskan (hari jadi terdekat) dan pelan yang dipilih.

Umur Tercapai	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
16 – 40	35	55
41 – 50	70	130
51 – 60	150	280
61 – 70 ²	380	750

² Untuk pembaharuan sahaja.

Kadar Premium adalah tidak terjamin dan Kami berhak mengubah kadar Premium dikenakan semasa Pembaharuan. Kami akan memberitahu Anda tentang kadar Premium baharu dengan memberi Anda notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum Ulang Tahun Polisi seterusnya.

Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

- (ii) Tempoh pembayaran Premium pelan ini adalah sepanjang tempoh perlindungan sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh (70) hari jadi terdekat.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen yang dicaj adalah 10% daripada Premium Anda. Amaun komisen yang dicaj adalah seperti berikut:

Umur Tercapai	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
16 – 40	3.50	5.50
41 – 50	7.00	13.00
51 – 60	15.00	28.00
61 – 70 ³	38.00	75.00

³ Komisen yang dicaj berdasarkan Premium pembaharuan.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (i) Kepentingan Pendedahan - Anda mesti menyatakan semua fakta material dan menyatakan umur Anda dengan betul. Anda juga seharusnya memberikan maklumat secukupnya dan tepat untuk membolehkan Kami menasihati Anda tentang kesesuaian Polisi, dengan mengambil pertimbangan kesesuaian Polisi ini dengan keperluan dan keadaan Anda.
- (ii) Tempoh Percubaan - Anda berhak membatalkan Polisi Anda dengan mengembalikannya dalam masa lima belas (15) hari selepas Anda telah menerima Polisi Anda. Jumlah Premium yang telah dibayar oleh Anda akan dipulangkan kepada Anda tanpa faedah. Jika Anda membatalkan Polisi selepas tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Polisi Anda, Polisi tersebut akan ditamatkan pada Tarikh Perlu Bayar yang seterusnya tanpa sebarang pengembalian Premium yang telah dibayar. Produk ini bukan pelan simpanan dan oleh itu tidak mempunyai nilai tunai selepas penyerahan atau penamatan Polisi ini.
- (iii) Tempoh Penangguhan - Anda diberi Tempoh Penangguhan selama tiga puluh satu hari (31) dari Tarikh Perlu Bayar untuk membayar Premium Anda di mana Polisi Anda masih lagi berkuat kuasa. Sekiranya Premium masih belum dibayar pada akhir Tempoh Penangguhan, Polisi ini akan luput dan perlindungan insurans akan tamat.
- (iv) Pengembalian Semula - Anda boleh mendapatkan kebenaran bertulis Kami untuk mengembalikan semula Polisi Anda pada bila-bila masa dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh peluputan Polisi menurut Seksyen 5(iii) di atas. Anda boleh merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat pengembalian semula Polisi.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat yang lengkap di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

- (i) Pelan ini tidak melindungi kematian Orang yang Diinsuranskan akibat bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman, dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian. Sekiranya kematian adalah akibat bunuh diri dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian, Polisi ini akan ditamatkan dan Kami akan memulangkan Premium yang telah dibayar tanpa faedah.
- (ii) Sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat mana-mana kejadian yang berikut, sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, Kami akan menganggap ia sebagai kematian bukan akibat Kemalangan dan

membayar manfaat kematian bukan akibat Kemalangan:

- a) Serangan atau pembunuhan Orang yang Diinsuranskan akibat pelanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan;
- b) Penentangan terhadap penangkapan yang sah oleh Orang yang Diinsuranskan;
- c) Percubaan membunuh diri, kecederaan tubuh badan sendiri yang disengajakan, kelakuan tidak senonoh Orang yang Diinsuranskan;
- d) Pendedahan diri Orang yang Diinsuranskan kepada keadaan bahaya yang tidak sepatutnya secara sengaja atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang, tanpa mengambil kira siuman atau tidak siuman;
- e) Peristiwa Kemalangan yang secara langsung ataupun tidak langsung berkaitan dengan pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, nuklear atau bahan senjata biologi atau kimia;
- f) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada diisytiharkan peperangan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau rampasan kuasa tentera;
- g) Orang yang Diinsuranskan mengambil bahagian atau terlibat secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang mogok, rusuhan, kekecohan awam atau aktiviti pengganas;
- h) Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Tubuh Badan ketika di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah kecuali ianya diambil selaras dengan preskripsi yang diberikan oleh Doktor;
- i) Aktiviti-aktiviti yang bersifat ketenteraan apabila terlibat dalam perkhidmatan ketenteraan;
- j) Keracunan makanan atau jangkitan bakteria (melainkan jangkitan bakteria yang menghasilkan nanah diakibatkan oleh luka atau luka kecil yang tidak disengajakan);
- k) Penyedutan atau pengambilan racun, gas atau wap beracun dengan sengaja atau secara cuai;
- l) Perubatan atau pembedahan yang diperlukan akibat Kemalangan yang berpunca daripada peristiwa-peristiwa yang dikecualikan di bawah perkara-perkara (a) sehingga (k) yang tersebut di atas;
- m) Perubatan atau pembedahan yang tidak diperlukan akibat Kemalangan;
- n) Orang yang Diinsuranskan terlibat atau mengambil bahagian dalam:
 - i. melakukan penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - ii. perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan sementara di bawah arahan bagi operasi serupa peperangan atau pengembalian ketenteraman awam;
 - iii. aktiviti-aktiviti termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan dengan kenderaan beroda atau kuda, sebarang aktiviti dalam air, panjat tebing atau pendakian gunung, penerokaan dalam gua, terjun payung, terjun udara, luncur gantung, luncur, luncur layar, menaiki belon udara, penerbangan mikro, lompat bungee, sukan musim sejuk, memburu ketika menunggang kuda atau terlibat dalam mana-mana jenis perlumbaan atau pergaduhan atau sukan profesional secara pepaduan atau penunggangan;
 - iv. memasuki, keluar daripada, mengendalikan, atau menservis, atau diangkut melalui mana-mana alat atau pengangkut udara melainkan apabila Orang yang Diinsuranskan adalah penumpang di dalam penerbangan penumpang komersial mengikut jadual perjalanan penumpang yang tetap di atas laluan penumpang yang lama wujud atau apabila Orang yang Diinsuranskan adalah juruterbang berlesen atau anggota anak kapal yang menjalankan tugas selaras dengan pekerjaan beliau bersama dengan penerbangan komersial tersebut.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat yang lengkap di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan memberikan Kami notis bertulis. Pembelian Polisi insurans hayat adalah satu tanggungan jangka masa panjang. Produk ini bukanlah suatu pelan simpanan dan oleh itu tidak mempunyai nilai tunai selepas pembatalan atau penamatan Polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?

Adalah penting untuk Anda menghubungi Kami untuk mengemaskini maklumat hubungan terbaru Anda termasuk alamat rumah Anda dan alamat rumah penama dan/atau pemegang amanah Anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada Anda atau penama dan/atau pemegang amanah Anda pada masa yang tepat.

9. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Bukti umur Orang yang Diinsuranskan yang diperlukan sebelum mana-mana pembayaran manfaat di bawah Polisi yang diterbitkan berikutan permohonan ini kecuali umur telah diakui sebelum ini dan disahkan oleh Kami sebagai betul. Anda boleh melayari www.allianz.com.my untuk panduan tuntutan. Anda dinasihatkan supaya mengemukakan tuntutan Anda (jika ada) kepada Kami secepat mungkin.

10. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan, sila layari www.mycoverage.my/insurans_hayat/.

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)
(dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Centre
Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Customer Contact Centre : 1 300 22 5542
Emel : customer.service@allianz.com.my

11. Adakah terdapat perlindungan lain yang serupa dengan pelan ini ditawarkan?

Sila hubungi Kami sekiranya Anda berminat untuk mengetahui tentang jenis perlindungan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

NOTIS PENTING:

PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Notis Penting Lain:

1. Anda harus memastikan bahawa Polisi adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan Anda dan Premium yang perlu dibayar untuk Polisi adalah bersesuaian dengan kemampuan Anda.
2. Jika Anda selaku Pemegang Polisi juga adalah Orang yang Diinsuranskan bagi Polisi, Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama untuk Polisi Anda dan memastikan penama

menyedari Polisi yang Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan mungkin akan menangguhkan pembayaran wang polisi kepada benefisiari Anda.

3. Anda boleh menukar pemilikan Polisi melalui serahan hak dengan memberikan notis bertulis kepada Kami tertakluk kepada kebenaran Kami dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kami dari semasa ke semasa. Penukaran pemilikan Polisi hanya berkuat kuasa selepas Kami menerima notis bertulis daripada Anda.
4. Perlindungan insurans ini hanya berkuat kuasa dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana terkemudian.
5. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran Premium.
6. Jangka masa tetap yang diperlukan oleh Kami untuk mengeluarkan polisi adalah enam (6) hari bekerja daripada tarikh penyerahan borang permohonan dengan syarat dokumen yang lengkap diterima oleh Kami dan Kami berpuas hati bahawa penyiasatan selanjutnya tidak diperlukan.
7. Penggantian Polisi sedia ada dengan polisi yang baru tidak semestinya bermanfaat. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat daripada syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
8. Pelan ini mungkin memenuhi syarat untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
9. Lembaran Pendedahan Produk bukannya kontrak insurans. Penerangan yang diliputi dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat komprehensif yang terpakai adalah dinyatakan di dalam Kontrak Polisi.
10. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada Premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi mengenai pembayaran Premium dan keingkaran akan turut diguna pakai terhadap Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah setakat Tarikh Terbitan Polisi.